

Conference on Islamic Thought 2026

SYEIKH DAUD AL-FATANI SEBAGAI PENGUKUH TRADISI KEILMUAN SUNNI DI ALAM MELAYU

Ahmad Muaaz Karami

Fakulti Pengajian Islam Dan Bahasa Arab, Innovative University College (IUC)

Email: muaaz.karami@innovative.edu.my

Omar Muhammad Kalash

Fakulti Pengajian Islam dan Bahasa Arab, Innovative University College (IUC)

Email: dromarkalash@innovative.edu.my

ABSTRAK

Tradisi keilmuan Sunni di Alam Melayu berkembang melalui jaringan ulama yang menghubungkan pusat-pusat ilmu Islam di Nusantara dengan Haramayn sejak abad ke-17 dan ke-18. Dalam tradisi ini, Syeikh Daud bin Abdullah al-Fatani (1769–1847M) muncul sebagai antara ulama Melayu yang paling prolifik dan berpengaruh melalui penghasilan karya-karya Jawi yang terus digunakan dalam institusi pendidikan Islam sehingga hari ini. Kajian ini bertujuan menganalisis hubungan antara konteks sejarah Patani dan Makkah dengan pembentukan pemikiran Syeikh Daud al-Fatani, serta menjelaskan bagaimana karya-karya beliau berfungsi sebagai medium dalam proses penginstitutionan tradisi keilmuan Sunni dalam sistem pendidikan pondok di Alam Melayu. Kajian ini menggunakan reka bentuk kualitatif dengan kaedah analisis dokumen terhadap karya-karya utama Syeikh Daud al-Fatani serta sumber-sumber sejarah dan kajian akademik berkaitan. Data dianalisis menggunakan analisis tematik dengan pendekatan sejarah intelektual bagi menafsir hubungan antara konteks sejarah, pembentukan pemikiran dan penghasilan karya. Dapatan kajian menunjukkan bahawa keruntuhan politik Patani dan suasana intelektual Makkah telah membentuk orientasi pemikiran Syeikh Daud, yang kemudiannya termanifestasi dalam korpus karya Jawi merangkumi bidang akidah, fiqh Mazhab Syafi'i, muamalat, tasawuf dan pendidikan. Penyebaran karya-karya tersebut melalui penyalinan manuskrip, penerbitan bercetak serta penggunaannya secara berterusan sebagai teks pengajian dalam institusi pondok telah menyumbang kepada penginstitutionan tradisi keilmuan Sunni merentasi generasi. Kajian ini merumuskan bahawa Syeikh Daud al-Fatani bukan merupakan pengasas tradisi keilmuan Sunni di Alam Melayu, sebaliknya seorang tokoh yang berjaya memperkukuh dan menginstitutionkan tradisi tersebut melalui sebuah korpus karya yang tersusun serta kekal menjadi asas pendidikan Islam di Alam Melayu sehingga kini.

Kata kunci: Syeikh Daud al-Fatani, tradisi keilmuan Sunni, Ahl al-Sunnah wa al-Jamaah, Kitab Jawi, Alam Melayu, pendidikan pondok, Mazhab Syafi'i.

ABSTRACT

The Sunni scholarly tradition in the Malay World developed through networks of ulama connecting centres of Islamic learning in the Malay Archipelago (Nusantara) with the Haramayn since the seventeenth and eighteenth centuries. Within this tradition, Syeikh Daud bin Abdullah al-Fatani (1769–1847 CE) emerged as one of the most prolific and influential Malay ulama through the production of Jawi works that continue to be used in Islamic educational institutions to this day. This study aims to analyse the relationship between the historical context of Patani and Makkah and the formation of Syeikh Daud al-Fatani's thought, and to explain how his works functioned as a medium in the process of institutionalising the Sunni scholarly tradition within the pondok education system in the Malay World. This study employs a qualitative design using document analysis of Syeikh Daud al-Fatani's major works together with historical sources and related academic studies. The data were analysed using thematic analysis within an intellectual history approach in order to interpret the relationship between historical context, the formation of thought, and the production of his works. The findings show that the political collapse of Patani and the intellectual climate of Makkah shaped the orientation of Syeikh Daud's thought, which subsequently manifested in a corpus of Jawi works spanning the fields of theology (akidah), Shafi'i jurisprudence (fiqh), transactional law (muamalat), Sufism (tasawuf), and education. The dissemination of these works through manuscript copying, print publication, and their continued use as instructional texts in pondok institutions contributed to the institutionalisation of the Sunni scholarly tradition across generations. This study concludes that Syeikh Daud al-Fatani was not the founder of the Sunni scholarly tradition in the Malay World, but rather a figure who succeeded in consolidating and institutionalising that tradition through a coherent corpus of works that remains a foundation of Islamic education in the Malay World to this day.

Keywords: Syeikh Daud al-Fatani, Sunni scholarly tradition, Ahl al-Sunnah wa al-Jamaah, Kitab Jawi, Malay World, pondok education, Shafi'i school.

الملخص

ترسخت التقاليد العلمية السنية في العالم الملايوي بفضل إسهامات العلماء المحليين الذين ارتبطوا بالمراكز العلمية في الحرمين الشريفين. ويُعدُّ الشيخ داود بن عبد الله الفطاني (١٧٦٩-١٨٤٧م) من أبرز أعلام هذه المدرسة العلمية، إذ خَلَفَ مؤلفاتٍ كثيرة في مختلف العلوم الإسلامية، واستمر أثرها في تشكيل الحياة العلمية في العالم الملايوي عبر الأجيال. تهدف هذه الدراسة إلى تحليل العلاقة بين السياق التاريخي لفتاني ومكة المكرمة وتكوُّن الفكر العلمي للشيخ داود الفطاني، وبيان الكيفية التي أسهمت بها مؤلفاته في تأسيس التقليد العلمي السني داخل نظام التعليم في مدارس الفونودوق في العالم الملايوي. واعتمدت الدراسة المنهج الكيفي من خلال تحليل الوثائق، وذلك بالاستناد إلى مؤلفات الشيخ داود الأصلية، مع الاستفادة من المصادر التاريخية والدراسات العلمية ذات الصلة. وتبين نتائج الدراسة أن التحولات السياسية التي شهدتها فتاني، إلى جانب البيئة العلمية في مكة المكرمة، كان لها أثر بارز في تشكيل توجه الشيخ داود العلمي ومنهجه في التأليف. وقد تجلّت هذه المؤثرات في مجموعة متكاملة من مؤلفاته باللغة الملايوية الجاوية، والتي تناولت العقيدة، والفقه الشافعي، وفقه المعاملات، والتصوف، والتربية الإسلامية، بما كوّن بناءً علمياً متكاملًا. كما أسهم تداول هذه المؤلفات عبر نسخ المخطوطات، ثم طباعتها، واعتمادها كتباً دراسية في مدارس الفونودوق، في ترسيخ التقليد العلمي السني واستمراره عبر الأجيال. وتخلص الدراسة إلى أن الشيخ داود الفطاني لا يُعد مؤسساً للتقليد العلمي السني في العالم الملايوي، وإنما يُعد من أبرز العلماء الذين أسهموا في ترسيخه وتحويله إلى منظومة تعليمية راسخة امتد أثرها إلى العصر الحاضر.

الكلمات المفتاحية: الشيخ داود الفطاني، التقليد العلمي السني، أهل السنة والجماعة، الكتاب الجاوي، التعليم في مدارس الفونودوق، العالم الملايوي، المذهب الشافعي.

1.0 PENDAHULUAN

1.1 Latar Belakang

Tradisi keilmuan Ahl al-Sunnah Wal Jamaah telah lama menjadi teras kefahaman Islam di Alam Melayu, disokong oleh jaringan ulama yang menghubungkan pusat pengajian Nusantara dengan Haramayn sejak abad ke-17 dan ke-18 (Azra, 2004). Dalam jaringan inilah Patani muncul sebagai salah satu pusat keilmuan Islam paling terkemuka di rantau ini, setanding Sumatera Selatan dan Kalimantan Selatan, dan daripada pusat inilah lahirnya Syeikh Daud bin Abdullah bin Idris al-Fatani, seorang tokoh yang kini diiktiraf sebagai salah seorang ulama paling produktif dalam sejarah keilmuan Melayu. Sepanjang kerjayanya di Makkah, beliau menghasilkan lebih 40 karya merentasi bidang akidah, fiqh, tasawuf, muamalat, dan pendidikan (Bradley, 2010), dengan sebahagian besarnya seperti Sullam al-Mubtadi dan al-Durr al-Thamin kekal digunakan sebagai teks rujukan pondok sehingga hari ini, lebih dua abad selepas ia mula-mula ditulis. Kitab Sullam al-Mubtadi sahaja, misalnya, diketahui wujud dalam sekurang-kurangnya 74 naskhah manuskrip dan telah dicetak berulang kali di Singapura, Kaherah, Pulau Pinang, Bangkok, dan Surabaya, satu jangkauan yang jarang dicapai oleh karya ulama Melayu lain sezaman. Kedudukan Syeikh Daud yang unik, iaitu lahir dalam sebuah kerajaan yang mengalami keruntuhan politik drastik namun berjaya membina kerjaya keilmuan

bertaraf antarabangsa di Makkah, menjadikan beliau kes yang amat sesuai untuk memahami bagaimana keadaan sejarah membentuk sumbangan keilmuan seorang tokoh. Kepentingan beliau bukan sekadar tertakluk kepada zaman beliau sendiri. Rangkaian murid yang beliau bina di Makkah, termasuk tokoh seperti Syeikh Ahmad al-Fatani yang mewarisi kedudukan sebagai pemimpin masyarakat Jawi di sana, meneruskan legasi keilmuan ini ke generasi seterusnya, menjadikan pengaruh Syeikh Daud sebahagian daripada sejarah keilmuan Islam Alam Melayu yang berterusan sehingga ke hari ini.

1.2 Isu Kajian

Kajian sedia ada mengenai Syeikh Daud al-Fatani, walaupun banyak dari segi bilangan, cenderung tertumpu kepada dua pendekatan utama. Pendekatan pertama bersifat biografikal-deskriptif, menumpukan riwayat hidup, senarai guru dan murid, serta pengesahan bilangan karya (Yaacob, 2021; Mustapha et al., 2018, 2020; Ismail & Jalil, 2022). Pendekatan kedua pula bersifat analisis kandungan teks tunggal, meneliti pemikiran fiqh, ekonomi, atau tasawuf beliau berdasarkan satu kitab tertentu secara terasing (Towpek & Borhan, 2012; Mohamed & Ahmad, 2016; Mohammaddin et al., 2016). Kajian sejarah sosio-politik Patani dan Makkah turut wujud secara berasingan (Azra, 2004; Bradley, 2010, 2014), namun jarang dihubungkan secara eksplisit dengan kandungan atau kronologi penulisan Syeikh Daud. Kajian filologi terhadap Kitab Jawi secara umum turut menunjukkan corak yang sama, iaitu memberi tumpuan kepada peranan bahasa dan tradisi penulisan (Burhanudin, 2022a, 2022b; Huda et al., 2023), tanpa membaca kandungan tersebut sebagai respons langsung kepada peristiwa politik dan sosial semasa. Akibatnya, Syeikh Daud sering digambarkan sebagai penulis kitab yang produktif tanpa penjelasan memadai tentang mengapa beliau menulis apa yang beliau tulis, pada waktu tertentu, dan dalam bentuk tertentu. Kelompongan ini turut berpunca daripada kecenderungan metodologi kajian sedia ada yang bergantung kepada analisis kandungan teks tunggal, berbanding pendekatan sejarah pemikiran yang membaca teks sebagai respons kepada konteks sezaman.

1.3 Pernyataan Masalah

Jurang ini menjadi lebih ketara apabila diteliti dari sudut analitikal. Azra (2004) mencatatkan bahawa Munyat al-Musalli, yang disiapkan pada 1827, mengandungi nada politik yang jelas bagi menyokong masyarakat Patani menentang Siam, namun pemerhatian ini tidak pernah dikembangkan menjadi kerangka analisis sistematik yang meneliti keseluruhan korpus beliau. Malah, dapatan Huda et al. (2023) bahawa Kitab Jawi abad ke-19 secara umum mengurangkan tumpuan kepada wacana politik demi bab ubudiyah dan muamalah mewujudkan percanggahan yang belum diselesaikan, iaitu mengapa Syeikh Daud tetap menghasilkan karya bernada politik pada waktu tertentu sedangkan trend umum menunjukkan arah sebaliknya. Persoalan sebegini hanya dapat dijawab dengan kajian

yang mengintegrasikan sejarah politik, ekonomi, dan sosial Patani serta Makkah dengan analisis kritikal terhadap korpus karya Syeikh Daud secara menyeluruh, satu integrasi yang masih tiada dalam kajian sedia ada. Tanpa integrasi sebegini, pemahaman terhadap sumbangan Syeikh Daud akan kekal separuh, iaitu sama ada terlalu tertumpu kepada fakta biografi tanpa analisis, atau terlalu tertumpu kepada kandungan teks tanpa mengambil kira sebab ia ditulis. Kajian ini dilaksanakan bagi mengisi jurang tersebut.

1.4 Objektif dan Kepentingan Kajian

Berdasarkan pernyataan masalah di atas, kajian ini mempunyai dua objektif. Pertama, menganalisis hubungan antara konteks sejarah Patani dan Makkah dengan pembentukan pemikiran Syeikh Daud al-Fatani. Kedua, menjelaskan bagaimana karya-karya Syeikh Daud al-Fatani berfungsi sebagai medium penginstitutionalisan tradisi keilmuan Sunni dalam sistem pendidikan pondok di Alam Melayu. Persoalan kajian yang berkaitan ialah bagaimanakah konteks sejarah Patani dan Makkah mempengaruhi pembentukan pemikiran Syeikh Daud al-Fatani, dan bagaimanakah karya-karya Syeikh Daud al-Fatani berfungsi sebagai medium penginstitutionalisan tradisi keilmuan Sunni dalam sistem pendidikan pondok di Alam Melayu. Kepentingan kajian ini terletak pada tiga sumbangan. Pertama, kajian ini menyumbang kepada sejarah intelektual Islam Alam Melayu dengan menawarkan kerangka analisis yang menghubungkan konteks sejarah dengan pembentukan pemikiran ulama, berbanding pendekatan deskriptif yang lazim dalam kajian sedia ada. Kedua, kajian ini memberi input kepada pemahaman tentang daya tahan tradisi pondok, khususnya bagaimana teks Jawi abad ke-19 kekal relevan sebagai kurikulum pengajian sehingga kini. Ketiga, kajian ini turut mempunyai kepentingan praktikal bagi memahami akar tradisi wasatiyyah dan Ahl al-Sunnah Wal Jamaah di Alam Melayu, sebuah wacana yang kekal relevan dalam konteks pendidikan Islam kontemporari. Kajian ini turut menawarkan satu kerangka sejarah intelektual yang menghubungkan konteks politik, jaringan ulama, penghasilan teks dan institusionalisasi ilmu sebagai satu proses yang saling berkaitan. Kerangka ini berpotensi diaplikasikan dalam kajian terhadap tokoh-tokoh ulama Nusantara yang lain. Walaupun perbincangan menyentuh aspek politik, ekonomi, sosial, pendidikan dan sejarah manuskrip, semua aspek tersebut dianalisis hanya setakat yang diperlukan bagi menjelaskan proses pengukuhan tradisi keilmuan Sunni oleh Syeikh Daud al-Fatani.

2.0 SOROTAN LITERATUR

2.1 Biografi Syeikh Daud al-Fatani

Kajian biografi terhadap Syeikh Daud bin Abdullah bin Idris al-Fatani telah dilakukan secara agak meluas dalam penulisan akademik tempatan dan antarabangsa. Yaacob (2021) menghasilkan kajian riwayat hidup yang menghubungkan latar kelahiran beliau di Patani pada tahun 1769 dengan

peranannya dalam pendidikan Islam di Makkah, manakala Mustapha et al. (2018) dan Mustapha et al. (2020) memberi tumpuan kepada senarai karya dan sumbangan beliau dalam Mazhab Syafi'i sebagai asas untuk mengesahkan kedudukan Syeikh Daud sebagai ulama paling produktif dalam kalangan sarjana Melayu abad ke-19. Ismail dan Jalil (2022) turut menyumbang maklumat biografi menerusi kajian filologi terhadap Sullam al-Mubtadi, dengan menjejaki latar penulisan kitab tersebut kepada tahun 1836 semasa Syeikh Daud berada di Makkah. Kajian yang paling menyeluruh dari sudut sejarah sosial pula ialah disertasi Bradley (2010), yang meletakkan riwayat hidup Syeikh Daud dalam rangka yang lebih luas, iaitu kebangkitan Patani School sebagai satu gerakan intelektual sejak tahun 1785 sehingga awal abad ke-20.

Secara umum, kesemua kajian di atas bersifat deskriptif-biografikal. Fokus utama ialah kronologi hidup, senarai guru dan murid, serta pengesahan bilangan karya, tanpa cubaan menjelaskan sebab beliau menumpukan penulisannya kepada bidang tertentu pada waktu tertentu.

2.2 Pemikiran Syeikh Daud al-Fatani

Satu kelompok kajian yang agak besar menumpukan pemikiran Syeikh Daud al-Fatani, khususnya dalam bidang ekonomi dan muamalat. Towpek dan Borhan (2012), Towpek (2013, 2017) serta Towpek (2018) secara konsisten meneroka konsep fiqhiconomic, pembiayaan hutang, dan kaedah penulisan bab muamalat dalam Furu al-Masail, sambil menghujahkan bahawa pemikiran ekonomi Syeikh Daud kekal relevan dengan amalan perbankan Islam moden. Mohamed dan Ahmad (2016) serta Mohamed dan Mochammad Sahid (2019) pula memberi tumpuan kepada konsep kemaslahatan, keadilan, dan gharar dalam kontrak muawadah menerusi Sullam al-Mubtadi, manakala Mohammaddin et al. (2016) meneroka pemikiran kosmologi dan astronomi Islam Syeikh Daud dalam Manhal al-Safi.

Kajian-kajian ini secara kolektif membuktikan keluasan disiplin ilmu yang digarap oleh Syeikh Daud, daripada fiqh muamalat sehingga tasawuf dan sains alam. Namun begitu, pendekatan yang digunakan hampir seluruhnya bersifat analisis kandungan teks semata-mata, iaitu meneliti apa yang tertulis dalam sesebuah kitab tanpa mengaitkannya secara kritis dengan keadaan sosioekonomi masyarakat Patani atau Makkah yang melatari penulisan tersebut.

2.3 Karya-Karya Syeikh Daud al-Fatani

Selain kajian pemikiran, terdapat kelompok kajian filologi dan kesusasteraan yang menumpukan karya Syeikh Daud sebagai teks Kitab Jawi. Burhanudin (2022a) menjejaki popularisasi istilah Sifat Dua Puluh dalam Kitab Jawi abad ke-19 sebagai mekanisme penyebaran akidah Sunni-Asyairah di Alam Melayu, manakala Burhanudin (2022b) membandingkan tradisi penulisan Kitab Jawi Syeikh Daud dengan tradisi Kitab Kuning Syeikh Nawawi al-Bantani, dan mendapati pemilihan bahasa

Melayu oleh Syeikh Daud merupakan satu bentuk pembebasan kognitif yang membentuk kepimpinan keagamaan berasaskan bahasa ibunda. Huda et al. (2023) pula menghujahkan bahawa penumpuan Kitab Jawi abad ke-19 kepada bab ubudiyah dan muamalah, berbanding bab siyasah, adalah cerminan peralihan minat keilmuan ulama daripada isu politik kepada keperluan praktikal masyarakat.

Beberapa kajian filologi lain seperti Buang et al. (2023), Mohamed et al. (2017), Ismail et al. (2024), Mustapha et al. (2024), Abdul Rahman et al. (2019), dan Makdom et al. (2021) menyumbang analisis terperinci terhadap kitab tertentu seperti Nahj al-Raghibin, Hidayah al-Mutaallim, dan al-Durr al-Thamin. Kajian-kajian ini penting untuk mengesahkan keaslian dan kedudukan mazhab Syeikh Daud, tetapi kekal pada tahap kajian teks tunggal tanpa membina naratif bersepadu tentang bagaimana keseluruhan korpus lebih 40 karya beliau berkembang mengikut perkembangan intelektual, perubahan masyarakat dan konteks sejarah yang melatari penghasilan setiap karya.

2.4 Konteks Patani dan Makkah

Kajian sejarah tentang Patani dan Makkah pada abad ke-18 dan ke-19 menyediakan latar penting bagi memahami zaman Syeikh Daud, namun jarang dihubungkan secara langsung dengan penulisan beliau. Azra (2004) mendokumenkan jaringan ulama Haramayn-Nusantara serta kedudukan Patani sebagai salah satu pusat keilmuan Islam utama di Asia Tenggara pada abad ke-18, manakala Manan et al. (2022) dan Mohd Nasir dan Ismail (2024) menelusuri sejarah Islamisasi Patani sejak zaman kesultanan Hindu-Buddha sehingga kejatuhannya kepada Siam. Bradley (2014) pula memperincikan jaringan keluarga dan keilmuan yang menghubungkan Makkah dengan Asia Tenggara pada abad ke-19, sementara Zengin dan Hizli (2025) menganalisis kejatuhan politik Patani dalam persaingan kuasa besar Inggeris, Perancis, dan Siam sehingga tahun 1902, membuktikan bahawa tekanan luar terhadap kedaulatan Patani berterusan sepanjang dan selepas hayat Syeikh Daud.

Dari sudut Makkah pula, Low (2015) mendedahkan bahawa Hijaz turut melalui zaman pergolakan politik di bawah pentadbiran Uthmaniyyah, termasuk pendudukan Wahhabi antara 1803 hingga 1811 dan pentadbiran Mesir antara 1811 hingga 1841, sebelum diikuti era konsolidasi Uthmaniyyah selepas tahun 1880-an. Dorloh dan Hashim (2019) pula menjelaskan peranan institusi pondok sebagai penerus tradisi keilmuan sedemikian di Patani. Walau bagaimanapun, kajian sejarah ini pada umumnya berdiri berasingan daripada kajian teks dan pemikiran Syeikh Daud yang dibincangkan dalam Bahagian 2.2 dan 2.3, menyebabkan konteks politik, ekonomi, dan sosial di satu pihak dengan pemikiran keagamaan di pihak lain dikaji dalam dua aliran ilmu yang tidak saling bertemu. Oleh itu, masih terdapat keperluan untuk menghubungkan analisis teks karya Syeikh Daud dengan konteks sejarah yang melatari penghasilannya supaya perkembangan pemikiran beliau dapat difahami secara lebih menyeluruh.

2.5 Jurang Kajian

Rumusan sorotan literatur di atas menunjukkan tiga aliran kajian sedia ada yang jelas. Pertama, kajian biografikal-deskriptif yang menumpukan riwayat hidup dan senarai karya Syeikh Daud (Yaacob, 2021; Mustapha et al., 2018, 2020; Ismail & Jalil, 2022). Kedua, kajian analisis kandungan teks yang meneliti pemikiran fiqh, ekonomi, dan tasawuf beliau secara mikro berdasarkan kitab tertentu (Towpek & Borhan, 2012; Mohamed & Ahmad, 2016; Mohamed & Mochammad Sahid, 2019; Mohammaddin et al., 2016; Burhanudin, 2022a, 2022b; Huda et al., 2023; Buang et al., 2023). Ketiga, kajian sejarah sosio-politik Patani dan Makkah yang menyediakan latar makro tanpa menghubungkannya secara eksplisit dengan output keilmuan Syeikh Daud (Azra, 2004; Bradley, 2010, 2014; Manan et al., 2022; Low, 2015; Zengin & Hizli, 2025).

Ketiga-tiga aliran ini beroperasi secara berasingan antara satu sama lain. Kajian biografikal dan kajian teks cenderung memperlakukan Syeikh Daud sebagai individu yang menghasilkan karya secara linear dan neutral, seolah-olah proses keilmuan tidak dipengaruhi oleh gelombang politik dan ekonomi sezaman. Sebaliknya, kajian sejarah seperti Bradley (2010, 2014) dan Low (2015) memang mendedahkan bahawa Patani mengalami keruntuhan politik pada tahun 1785 hingga 1786 dan Makkah pula melalui pergolakan Wahhabi pada awal abad ke-19, tetapi kajian tersebut tidak dibina khusus untuk menganalisis kesan langsung peristiwa itu terhadap kandungan, strategi bahasa, atau turutan kronologi penulisan Syeikh Daud. Sebagai contoh, dapatan Azra (2004) bahawa Syeikh Daud menulis *Munyat al-Musalli* pada tahun 1827 dengan nada politik untuk menyokong masyarakat Patani dalam menentang Siam merupakan satu petunjuk kukuh bahawa karya beliau bukan produk neutral, sebaliknya respons kontekstual terhadap tekanan politik semasa. Namun pemerhatian ini hanya disebut secara ringkas dalam kajian sejarah am dan tidak pernah dikembangkan menjadi kerangka analisis yang sistematik merentasi keseluruhan korpus lebih 40 karya beliau.

Tambahan pula, dapatan Huda et al. (2023) bahawa Kitab Jawi abad ke-19 secara umum mengurangkan tumpuan kepada bab siyasah demi bab ubudiyah dan muamalah turut mewujudkan percanggahan menarik yang belum diselesaikan dalam literatur. Jika trend umum yang didokumenkan adalah peralihan daripada wacana politik, apakah faktor yang mendorong Syeikh Daud tetap menghasilkan karya seperti *Munyat al-Musalli* yang memuatkan nada jihad dan politik pada tahun 1827, iaitu ketika ketegangan Patani-Siam kian meningkat menjelang pemberontakan 1831? Persoalan sebegini menuntut kajian yang membaca karya Syeikh Daud secara kronologi bersama garis masa peristiwa politik Patani dan Makkah, sesuatu yang tidak dilakukan secara sistematik oleh mana-mana kajian yang disemak di atas.

Justeru, jurang kajian yang dikenal pasti ialah ketiadaan kajian yang mengintegrasikan sejarah politik, ekonomi, dan sosial Patani serta Makkah dan Hijaz Uthmaniyyah dengan analisis terhadap

karya-karya utama Syeikh Daud al-Fatani, bagi menjelaskan bagaimana konteks tersebut membentuk peranan beliau sebagai pengukuh tradisi keilmuan Sunni di Alam Melayu. Kajian ini bertujuan mengisi jurang tersebut dengan membina hujah hubungan antara konteks sejarah dan pembentukan pemikiran, bukan sekadar mendeskripsikan biografi atau kandungan teks secara berasingan sepertimana kelaziman kajian terdahulu.

3.0 METODOLOGI

Kajian ini menggunakan reka bentuk kualitatif kerana persoalan kajian menuntut pemahaman mendalam tentang hubungan antara konteks sejarah dengan pembentukan pemikiran, sesuatu yang lebih sesuai diteliti secara interpretatif berbanding diukur secara berangka. Pendekatan kualitatif membenarkan pengkaji membaca teks, dokumen sejarah, dan kajian lepas secara kritis serta menghubungkan ketiga-tiganya dalam satu kerangka analisis yang koheren, bukan sekadar mengesahkan hipotesis yang telah ditetapkan lebih awal.

Kaedah pengumpulan data utama ialah analisis dokumen, iaitu penelitian sistematik terhadap bahan bertulis yang berkaitan dengan Syeikh Daud al-Fatani, konteks Patani, dan konteks Makkah. Dokumen dikumpul dan disusun mengikut tema sebelum dianalisis secara silang antara sumber sejarah dan sumber tekstual, bagi memastikan dakwaan dalam kajian ini disokong oleh lebih daripada satu jenis sumber.

Sumber primer kajian ini terdiri daripada karya-karya asal Syeikh Daud al-Fatani, khususnya lima karya yang dijadikan tumpuan analisis, iaitu al-Durr al-Thamin fi Aqaid al-Muminin, Sullam al-Mubtadi fi Marifah Tariqah al-Muhtadi, Munyat al-Musalli, Furu al-Masail wa Usul al-Wasail, dan Manhal al-Safi fi Bayan Ramz Ahl al-Sufi. Data mengenai kandungan, tarikh penulisan, dan peredaran manuskrip serta cetakan karya-karya ini diperoleh daripada katalog manuskrip dan kajian filologi yang menganalisis teks-teks tersebut secara langsung. Pemilihan lima karya tersebut dibuat secara bertujuan (*purposive sampling*) kerana setiap karya mewakili satu dimensi utama dalam korpus penulisan Syeikh Daud, iaitu akidah, fiqh, muamalat, tasawuf dan pendidikan. Pemilihan ini membolehkan analisis dilakukan terhadap keluasan pemikiran beliau tanpa perlu meneliti keseluruhan korpus yang melebihi 40 karya.

Sumber sekunder pula terdiri daripada artikel jurnal, disertasi, dan monograf sejarah yang membincangkan tiga bidang utama, iaitu sejarah politik, ekonomi, dan sosial Patani, sejarah intelektual Makkah dan Hijaz Uthmaniyyah, serta kajian akademik terdahulu mengenai pemikiran dan karya Syeikh Daud al-Fatani. Sumber-sumber ini digunakan untuk membina konteks sejarah dalam Bahagian 4.1 dan 4.2, serta untuk mengesahkan dan membanding dapatan kajian ini dengan kajian sedia ada sebagaimana dibincangkan dalam Sorotan Literatur.

Di samping analisis dokumen, kajian ini menggunakan pendekatan sejarah intelektual bagi menafsir hubungan antara konteks sejarah dengan pembentukan pemikiran Syeikh Daud al-Fatani. Pendekatan ini membolehkan karya-karya beliau dibaca bukan sekadar sebagai teks yang menghuraikan hukum, tetapi sebagai produk intelektual yang lahir dalam konteks politik, sosial dan keagamaan tertentu. Melalui pendekatan ini, analisis menumpukan kepada hubungan antara konteks sejarah, pembentukan pemikiran dan penghasilan karya sebagai satu proses yang saling berkaitan.

Data yang dikumpul kemudiannya dianalisis menggunakan kaedah analisis tematik melalui tiga peringkat. Peringkat pertama meneliti konteks sejarah Patani dan Makkah, meliputi aspek politik, ekonomi, sosial serta jaringan dan suasana intelektual yang membentuk persekitaran kehidupan Syeikh Daud al-Fatani. Peringkat kedua menganalisis manifestasi pemikiran tersebut dalam karya-karya utama beliau berdasarkan tema akidah, fiqh Syafi'i, muamalat, tasawuf dan pendidikan. Seterusnya, dapatan daripada kedua-dua peringkat ini disintesis bagi menjelaskan hubungan antara konteks sejarah dengan pembentukan pemikiran Syeikh Daud serta bagaimana karya-karya beliau berfungsi sebagai medium dalam proses penginstitutionan tradisi keilmuan Sunni dalam sistem pendidikan pondok di Alam Melayu.

4.0 DAPATAN & PERBINCANGAN

4.1 Politik, Ekonomi dan Sosial Patani

Patani bukan sekadar tempat lahir Syeikh Daud, sebaliknya persekitaran pertama yang membentuk cara beliau memahami hubungan antara ilmu, kuasa, dan identiti keagamaan. Dalam tempoh hayat beliau sendiri, Patani beralih daripada sebuah entrepot maritim yang makmur dan pusat keilmuan Islam terkemuka kepada sebuah wilayah taklukan yang berpecah dan kehilangan kedaulatan. Peralihan drastik inilah yang menjadi asas kepada pembentukan pemikirannya.

Sebelum keruntuhan politiknya, Patani merupakan sebuah kuasa maritim dan intelektual yang disegani di Asia Tenggara. Azra (2004) meletakkan Patani setanding dengan Sumatera Selatan dan Kalimantan Selatan sebagai antara pusat keilmuan Islam utama serantau pada abad ke-18. Kemakmuran ini turut disokong oleh kedudukannya sebagai pelabuhan entrepot, dengan penduduk dianggarkan antara 10,000 hingga 20,000 orang menjelang 1690 (Reid, 1993), perdagangan lada yang aktif dengan kapal junk China dan pedagang Coromandel, industri gajah dan meriam, serta eksport timah dan lada yang berterusan ke Siam dan China sepanjang abad ke-18 (Sarasini Viraphol, 1977). Kekuatan ketenteraan turut mencerminkan status Patani sebagai kuasa serantau yang disegani, dengan catatan Belanda pada 1662 menganggarkan Patani mampu menghimpunkan sehingga 180,000 tentera melalui pengerahan rakyat sekiranya diperlukan (Charney, 2004), manakala perusahaan pembuatan meriam yang bermula sejak akhir abad ke-16 masih berfungsi sehingga

penghujung abad ke-17 (Sutherland, 2004). Kekuatan ekonomi dan ketenteraan ini menyediakan asas material yang membolehkan keluarga ulama Patani menampung sistem pendidikan agama dan menghantar anak mereka merantau ke Haramayn untuk menuntut ilmu.

Kemakmuran ini tergugat secara mendadak apabila Siam di bawah Rama I menakluki Patani pada 1785 hingga 1786. Bonney (1971) mencatatkan bahawa tentera Siam melancarkan dasar pembasmian penduduk secara sistematik dan menawan sebilangan besar rakyat Patani sebagai hamba selepas kejatuhan kubu Pujit. Syeikh Daud, yang ketika itu berusia awal dua puluhan, melarikan diri dan tiba di Makkah sekitar 1787, dan pada 1788 beliau turut serta dalam jihad menentang Siam yang dipimpin gurunya, al-Falimbani, sebuah pemberontakan yang menyaksikan hampir semua pesertanya terkorban kecuali beliau (Bradley, 2010). Percubaan balas dendam pada 1791 turut dihancurkan (Bonney, 1971), dan pada 1808 Siam memecahkan Patani kepada tujuh buah negeri kecil khaek jet huamuang bagi melumpuhkan kesatuan politiknya (Kobkua Suwannathat-Pian, 1988). Pemberontakan-pemberontakan seterusnya pada 1831 hingga 1832 dan 1838 hingga 1839 turut ditumpaskan (Wyatt, 1982), sepanjang tempoh inilah Syeikh Daud aktif menghasilkan karya-karyanya di Makkah. Azra (2004) turut mencatatkan bahawa Munyat al-Musalli, yang disiapkan pada 1827, mengandungi nada politik yang jelas dan ditulis khusus untuk menyokong masyarakat Patani dalam perjuangan menentang Siam, iaitu satu bukti bahawa tekanan politik semasa mempunyai hubungan yang rapat dengan kandungan karya beliau. Perubahan politik ini menunjukkan bahawa saluran tradisional pembentukan autoriti ulama melalui institusi kesultanan semakin terhad, sekali gus mewujudkan keperluan kepada bentuk penyebaran ilmu yang lebih bebas daripada kawalan politik.

Institusi pondok menjadi wadah utama yang mengekalkan kesinambungan keilmuan Patani di tengah kejatuhan politiknya. Azra (2004) turut mencatatkan bahawa sistem pondok di Semenanjung dikatakan bermula di Patani, menjadikan wilayah ini bukan sahaja pengeluar ulama tetapi juga pembina model pendidikan Islam tempatan yang menggabungkan tradisi keilmuan Haramayn dengan bahasa Melayu dan tulisan Jawi yang kemudiannya tersebar ke seluruh Alam Melayu. Dorloh dan Hashim (2019) turut menegaskan peranan pondok sebagai institusi yang berterusan memelihara tradisi keilmuan Patani walaupun struktur politiknya musnah, dengan kurikulumnya menumpukan bidang fiqh, kalam, dan tawhid, iaitu disiplin yang sama dengan tumpuan utama karya-karya Syeikh Daud kelak. Data katalog manuskrip yang dihimpun oleh Bradley (2010) turut menunjukkan sekurang-kurangnya 74 naskhah Sullam al-Mubtadi tersalin dan beredar merentasi rangkaian pondok Patani, Melaka, dan Makkah sepanjang abad ke-19, membuktikan bahawa infrastruktur pondok telah wujud untuk menerima dan menyebarkan korpus karya Syeikh Daud kelak.

Latar keluarga turut memainkan peranan penting. Syeikh Daud dilahirkan sebagai anak kepada salah seorang syeikh utama Patani dan mempunyai hubungan peribadi yang rapat dengan

keluarga diraja (Bradley, 2010). Kedudukan ini memberikan beliau modal sosial dan keagamaan sejak kecil, suatu corak yang turut dikongsi oleh sarjana sezaman seperti Abd al-Samad al-Falimbani, yang bapanya berkhidmat sebagai qadi di Kedah (Azra, 2004). Hubungan rapat antara keluarga ulama dan istana ini menjadikan rihlah ilmiah ke Makkah sebagai kesinambungan wajar bagi golongan elit agama, bukan satu keputusan luar biasa.

Kombinasi keadaan di atas membentuk apa yang boleh disebut sebagai budaya ilmu Patani, iaitu suatu tradisi yang menganggap penuntutan ilmu di Haramayn sebagai lumrah dan berprestij bagi keluarga ulama. Azra (2004) dan Manan et al. (2022) turut merakamkan bahawa Patani telah lama dikenali sebagai salah satu punca utama ulama Nusantara di Makkah sejak sebelum kejatuhannya, menjadikan kehadiran Syeikh Daud di sana pada 1787 sebagai kesinambungan tradisi sedia ada dan bukan fenomena terpencil.

Secara keseluruhan, keadaan politik, ekonomi, dan sosial Patani membentuk asas pemikiran Syeikh Daud melalui dua warisan yang bertentangan tetapi saling melengkapi. Pertama, beliau mewarisi infrastruktur keilmuan yang telah matang, iaitu sistem pondok, status keluarga ulama, dan jaringan Haramayn yang tersedia, yang memberikan beliau modal sosial dan khalayak pedagogi untuk menghasilkan karya fiqh dan akidah yang sistematik. Kedua, beliau turut mewarisi trauma keruntuhan politik yang berterusan, yang menghapuskan laluan tradisional kepimpinan agama berasaskan istana yang pernah tersedia kepada generasi ulama sebelumnya. Gabungan ini menjelaskan mengapa kepimpinan keagamaan Syeikh Daud mengambil bentuk tekstual dan rangkaian, bukan bentuk politik atau kenegaraan. Kehilangan kedaulatan politik Patani menyebabkan ruang tradisional bagi ulama untuk berkhidmat sebagai qadi atau mufti istana, sebagaimana yang dinikmati oleh generasi terdahulu dalam keluarganya, semakin terbatas. Dalam keadaan tersebut, Syeikh Daud mengalihkan autoriti keilmuannya kepada penghasilan kitab Jawi yang dapat disebarluaskan kepada masyarakat Melayu di Patani, komuniti Jawi di Makkah dan seluruh Alam Melayu. Melalui pendekatan ini, autoriti keagamaan tidak lagi bergantung kepada institusi politik, sebaliknya diperkukuhkan melalui tradisi penulisan dan jaringan pendidikan Islam. Corak inilah yang menerangkan mengapa sebahagian besar karya beliau tergolong dalam genre mapan kurikulum pondok seperti fiqh dan akidah, manakala sebilangan kecil seperti Munyat al-Musalli membawa nada politik yang jelas, bergerak balas terhadap peristiwa tertentu dalam hubungan Patani-Siam. Keruntuhan politik 1785 hingga 1786 dengan itu bukan mematikan tradisi keilmuan Patani, sebaliknya mengubah cara ia beroperasi, daripada berpusat di istana kepada tersebar melalui teks dan rangkaian, satu peralihan yang menjadikan Syeikh Daud sebagai penerus paling produktif dan berpengaruh.

4.2 Makkah Sebagai Pusat Pembentukan Intelektual

Jika Patani merupakan ruang keretakan yang mencetuskan perpindahan Syeikh Daud, Makkah pula merupakan ruang pembinaan semula yang mengangkat beliau daripada seorang pelarian politik kepada seorang ulama bertaraf antarabangsa. Kehadiran beliau di Makkah sekitar 1787 meletakkan beliau dalam sebuah ekosistem keilmuan yang jauh lebih luas berbanding apa-apa yang mampu ditawarkan oleh Patani, walaupun Patani sendiri sebuah pusat ilmu yang disegani.

Jaringan ulama Haramayn menjadi struktur asas yang membentuk kerjaya keilmuan Syeikh Daud. Azra (2004) mendokumenkan bahawa hubungan antara ulama Melayu-Indonesia dengan Haramayn telah terjalin sejak abad ke-17 dan ke-18, membentuk sebuah rangkaian keilmuan yang berterusan merentasi generasi. Riddell (2001) menggelar hubungan khusus antara Patani dan Makkah sebagai "Patani Connection," iaitu satu jaringan yang dibina oleh Syeikh Daud sendiri dan kemudiannya diperkukuh oleh generasi seperti Syeikh Ahmad al-Fatani dan Tok Kenali. Kedudukan Syeikh Daud dalam jaringan ini bukan sebagai pengasas tunggal, sebaliknya sebagai penghubung penting antara generasi gurunya seperti al-Falimbani dengan generasi murid dan pewaris selepasnya, menjadikan beliau mata rantai yang mengukuhkan kesinambungan rangkaian tersebut sepanjang abad ke-19. Azra (2004) turut menegaskan bahawa ulama sebegini, setelah memperoleh kelayakan substantif dalam pengajian Islam di Haramayn, seterusnya merangsang lagi proses pengukuhan dan pembaharuan Islam dalam kalangan kumpulan etnik masing-masing apabila pulang atau menetap di rantau asal, satu fungsi jaringan yang menjelaskan mengapa kehadiran Syeikh Daud di Makkah memberi kesan yang jauh melangkaui dirinya sendiri.

Makkah pada masa itu turut menempatkan sebuah masyarakat Jawi yang tersendiri, iaitu komuniti pelajar, peziarah, dan ulama berbahasa Melayu yang hidup dan berkarya dalam lingkungan kosmopolitan kota suci tersebut. Low (2015) menggambarkan Makkah abad ke-19 sebagai sebuah campuran yang padat antara Uthmaniyyah, Arab, Eropah, India, Jawi, dan Hadrami. Dalam persekitaran majmuk inilah Syeikh Daud muncul sekitar 1809 sebagai penulis produktif dan pemimpin baharu bagi golongan berbahasa Melayu di Makkah (Bradley, 2010). Kesinambungan komuniti ini dapat dilihat sehingga akhir abad ke-19, apabila Hurgonje (1931) mencatatkan bahawa ulama kelahiran Patani masih menguasai penerbitan akhbar Uthmaniyyah berbahasa Melayu di Makkah, dengan karya-karya Syeikh Daud tergolong antara yang paling banyak dicetak dan diedarkan. Ini membuktikan bahawa masyarakat Jawi yang dipimpin beliau bukan sekadar fenomena sementara, sebaliknya sebuah ruang awam intelektual vernakular yang bertahan lama selepas kewafatan beliau.

Guru-guru Syeikh Daud turut mencerminkan keluasan jaringan keilmuan yang beliau warisi. Selain al-Falimbani, beliau turut berguru dengan Muhammad al-Shanwani, Abd Allah al-Sharqawi, Muhammad Salih al-Zubayri, Sayyid Abd Allah al-Mahjub al-Mirghani, Muhammad As'ad al-Hanafi al-Makki, dan Ahmad al-Marzuqi al-Maliki (Bradley, 2010). Komposisi guru ini merentasi

lebih daripada satu mazhab fiqh, walaupun kecenderungan akhir beliau tetap kepada Mazhab Syafi'i, dan menghubungkan beliau secara langsung dengan tokoh seperti al-Sharqawi yang turut memegang jawatan Syeikh al-Azhar. Sanad keilmuan sebegini memberikan kewibawaan tekstual yang tidak mungkin diperoleh oleh seorang ulama yang hanya berguru di dalam Alam Melayu semata-mata. Senarai murid beliau pula turut mencerminkan keluasan pengaruh ini, merangkumi tokoh dari Patani, Kedah, Terengganu, dan pelbagai wilayah lain di Alam Melayu, termasuk Ahmad Khatib Sambas yang kelak turut menjadi tokoh berpengaruh dalam jaringan tarekat serantau (Bradley, 2010), menunjukkan bahawa bilik pengajian Syeikh Daud di Makkah berfungsi sebagai persimpangan bagi pelajar dari seluruh kepulauan, bukan sekadar dari Patani sahaja. Kepelbagaian latar guru yang tetap berpusat kepada tradisi Ahli Sunnah Wal Jamaah menunjukkan bahawa autoriti keilmuan Syeikh Daud dibentuk dalam lingkungan institusi Sunni arus perdana di Haramayn. Hal ini menjelaskan mengapa karya-karya beliau kemudiannya mengekalkan orientasi akidah Asyairah dan fiqh Syafi'iyah ketika disebarkan kepada masyarakat Melayu.

Suasana intelektual Makkah pada waktu itu turut mencorakkan tumpuan disiplin dalam penulisan Syeikh Daud. Azra (2004), merujuk pemerhatian Snouck Hurgronje, mencatatkan bahawa bidang keilmuan utama di Makkah pada abad ke-19 telah menyempit kepada fiqh dan usul al-din, manakala tasawuf semakin kurang penekanan berbanding sebelumnya. Kecenderungan sezaman inilah yang turut dikongsi oleh Syeikh Daud, dengan majoriti besar korpusnya tertumpu kepada fiqh dan akidah berbanding tasawuf. Suasana ini turut diperparah oleh episod pendudukan Wahhabi di Hijaz antara 1803 hingga 1811 (Low, 2015), satu tempoh gelora doktrinal yang turut disaksikan sendiri oleh Syeikh Daud semasa berada di Makkah, dan yang mungkin memperkukuh lagi tekad beliau mempertahankan akidah Ahli Sunnah Wal Jamaah secara bertulis.

Secara keseluruhan, pengalaman di Makkah menjadikan Syeikh Daud seorang ulama bertaraf antarabangsa atas empat sebab yang saling berkait. Pertama, Makkah merupakan pusat autoriti keagamaan Sunni yang diiktiraf oleh seluruh dunia Islam, bukan sekadar oleh Alam Melayu, sehingga pengiktirafan sebagai pengajar di sana membawa nilai kewibawaan yang jauh melangkaui sempadan serantau. Kedua, sanad keilmuan yang menghubungkan beliau dengan tokoh Mesir dan Hijaz seperti al-Sharqawi memberikan kewibawaan tekstual yang boleh disahkan, bukan sekadar diwarisi secara tempatan. Ketiga, kedudukan beliau dalam masyarakat Jawi yang merentasi seluruh kepulauan Melayu, sebagaimana terbukti daripada senarai murid beliau yang datang dari Patani, Kedah, dan Terengganu, menjadikan pengaruh beliau bersifat kearkipelagan sejak awal, bukan hasil penyebaran selepas fakta. Keempat, kemunculan beliau sezaman dengan tokoh seperti Nawawi al-Bantani, yang turut berguru di Makkah tetapi menulis dalam tradisi Kitab Kuning berbahasa Arab dan kemudiannya memimpin dinamika Islam di Jawa (Burhanudin, 2022b), menempatkan Syeikh Daud dalam satu kohort ulama antarabangsa yang diiktiraf merentasi lebih daripada satu wilayah dalam Alam Melayu.

Justeru, bukan sekadar kehadiran fizikal di Makkah yang membentuk taraf antarabangsa Syeikh Daud, sebaliknya kedudukan beliau dalam jaringan sanad, komuniti Jawi, dan wacana keilmuan global yang hanya tersedia di kota suci tersebut. Oleh itu, Makkah bukan sekadar destinasi penghijrahan Syeikh Daud, bahkan menjadi ruang pembentukan autoriti keilmuan yang memperluaskan pengaruh beliau daripada lingkungan lokal di Patani kepada jaringan intelektual transregional yang merangkumi Makkah dan seluruh Alam Melayu. Melalui kedudukan tersebut, beliau bukan sahaja menerima tradisi keilmuan Haramayn, malah berperanan sebagai penghubung yang memindahkan dan menyesuaikan tradisi tersebut ke dalam konteks masyarakat Melayu melalui penulisan kitab Jawi.

4.3 Manifestasi Pemikiran Sunni dalam Karya Syeikh Daud

Jika Bahagian 4.1 dan 4.2 menjelaskan mengapa Syeikh Daud terdorong untuk mengukuhkan tradisi keilmuan Sunni, bahagian ini pula menunjukkan bagaimana dorongan tersebut termanifestasi secara konkrit dalam teks. Lima karya dipilih di sini, iaitu al-Durr al-Thamin, Sullam al-Mubtadi, Munyat al-Musalli, Furu al-Masail, dan Manhal al-Safi, bukan kerana ia mewakili keseluruhan korpus lebih 40 karya beliau, sebaliknya kerana setiap satu mewakili satu dimensi berbeza dalam projek pengukuhan Sunni, iaitu akidah, fiqh Syafi'i, muamalat, tasawuf, dan pendidikan. Tumpuan perbincangan bukan pada kandungan kitab semata-mata, sebaliknya pada mekanisme bagaimana setiap karya berfungsi sebagai wahana penginstitutionan tradisi Sunni dalam masyarakat Melayu. Pendekatan ini sengaja mengelakkan penerangan kandungan kitab secara berasingan daripada konteksnya, sebagaimana lazim dalam kebanyakan kajian filologi sedia ada, dan sebaliknya membaca setiap karya sebagai suatu pendekatan pedagogi yang dibuat oleh seorang ulama yang memahami khalayak, zaman, dan keperluan masyarakatnya.

Al-Durr al-Thamin fi Aqaid al-Muminin, disiapkan pada 1817, merupakan manifestasi paling langsung bagi dimensi akidah. Karya ini menghuraikan sifat-sifat Allah mengikut kerangka al-Asyairah menerusi format Sifat Dua Puluh, satu istilah yang menurut Burhanudin (2022a) menjadi mekanisme utama popularisasi doktrin Sunni dalam Kitab Jawi abad ke-19. Yang menjadikan karya ini medium pengukuhan, bukan sekadar rumusan teologi, ialah tempoh penulisannya. Ia disiapkan hanya beberapa tahun selepas pendudukan Wahhabi di Hijaz (1803 hingga 1811) yang cuba menghapuskan amalan dan pegangan bukan Wahhabi di Tanah Suci (Low, 2015), sebagaimana dibincangkan dalam Bahagian 4.2. Dalam konteks ini, al-Durr al-Thamin bukan sekadar pengajaran akidah generik, sebaliknya respons tekstual yang disengajakan terhadap ancaman doktrinal yang beliau saksikan sendiri, ditulis dalam bahasa Melayu Jawi supaya kekal boleh diakses oleh masyarakat awam yang tidak mahir bahasa Arab, sekali gus memperluas pertahanan akidah Ahli Sunnah Wal Jamaah melangkaui kalangan elit berbahasa Arab semata-mata. Format Sifat Dua Puluh yang digunakan juga bersifat mudah dihafal dan diajar secara berperingkat, menjadikannya sesuai untuk

pengajaran asas di pondok sebelum pelajar meneruskan pengajian kepada kitab fiqh yang lebih terperinci, satu susunan yang menunjukkan bahawa akidah sengaja diletakkan sebagai fasa pertama dalam struktur pembelajaran yang beliau bina. Walaupun karya ini boleh dibaca dalam konteks perdebatan doktrin di Hijaz, fungsi utamanya dalam masyarakat Melayu ialah membentuk asas akidah yang seragam dalam tradisi pengajian pondok.

Sullam al-Mubtadi fi Marifah Tariqah al-Muhtadi, disiapkan pada 1836, pula menjadi manifestasi paling kukuh bagi dimensi fiqh Syafi'i sekali gus pendidikan. Kandungannya menggabungkan fiqh, kalam, dan tawhid dalam satu teks tunggal, meliputi bab-bab seperti puasa, haji, jinayah, jihad, munakahat, dan taharah (Ismail & Jalil, 2022). Huda et al. (2023) menghujahkan bahawa penggabungan sebegini menjadikan kitab jawi fiqh abad ke-19 sebagai wahana utama pengukuhan Mazhab Syafi'i di rantau ini. Namun bukti paling meyakinkan bagi fungsi pengukuhan terletak pada jangkauan peredarannya, bukan kandungannya semata-mata. Sekurang-kurangnya 74 naskhah manuskrip diketahui wujud, tersalin merentasi Patani, Melaka, dan Makkah sepanjang abad ke-19, dan kitab ini turut dicetak berulang kali di Singapura, Kaherah, Pulau Pinang, Bangkok, dan Surabaya sehingga pertengahan abad ke-20, malah menghasilkan komentarnya sendiri iaitu Kifayat al-Muhtadi oleh Muhammad Nur al-Fatani. Penyebaran manuskrip, penerbitan berulang dan kemunculan syarah menunjukkan bahawa Sullam al-Mubtadi berkembang daripada sebuah karya individu kepada sebuah teks autoritatif dalam tradisi pendidikan pondok. Corak peredaran dan pengulasan berterusan sebegini, yang turut dianalisis oleh Mohamed et al. (2017) dan Ismail et al. (2024) dari sudut kandungan hukum tertentu, membuktikan bahawa Sullam al-Mubtadi bukan sekadar rujukan sekali baca, sebaliknya telah terinstitusi sebagai teks teras kurikulum pondok yang menstruktur cara generasi demi generasi pelajar Melayu mempelajari fiqh Syafi'i dan akidah Sunni serentak. Kewujudan komentar seperti Kifayat al-Muhtadi turut penting kerana ia menunjukkan bahawa Sullam al-Mubtadi bukan sahaja dibaca, malah dijadikan asas bagi tradisi keilmuan susulan, iaitu satu tanda aras yang lazimnya hanya dicapai oleh teks yang telah diterima sebagai autoriti rujukan dalam sesebuah tradisi keilmuan, setanding kedudukan matan-matan utama dalam tradisi fiqh Syafi'i di Timur Tengah.

Munyat al-Musalli, disiapkan pada 1827, menunjukkan bagaimana genre fiqh ibadah yang kelihatan neutral turut boleh dimobilisasi untuk pengukuhan identiti keagamaan dalam keadaan tertekan. Secara zahir, karya ini merupakan panduan fiqh solat, namun Azra (2004) mencatatkan bahawa ia turut mengandungi nada politik yang jelas, ditulis khusus untuk menyokong masyarakat Patani dalam perjuangan menentang Siam, sebagaimana telah dibincangkan dalam Bahagian 4.1. Yang membezakan karya ini daripada sekadar risalah fiqh ialah kedudukannya pada tahun 1827, iaitu dalam tempoh antara pemecahan Patani kepada tujuh negeri pada 1808 dan pemberontakan besar

1831 hingga 1832. Dengan menghubungkan kewajiban fiqh solat kepada wacana jihad dan mempertahankan dar al-Islam, Syeikh Daud menjadikan amalan ibadah harian sebagai wahana pemeliharaan identiti Muslim-Melayu di tengah tekanan politik yang berterusan, sekali gus mengukuhkan tradisi Sunni bukan sahaja pada tahap doktrin, tetapi pada tahap kesedaran kolektif masyarakat yang sedang terancam.

Furu al-Masail wa Usul al-Wasail, disiapkan pada 1841 hingga 1842, mewakili dimensi muamalat, iaitu bukti bahawa fiqh Syafi'i yang dibawa Syeikh Daud bukan sekadar wacana ritual dan teologi, sebaliknya turut dioperasikan untuk kehidupan ekonomi harian masyarakat Melayu. Kajian Towpek dan Borhan (2012), Towpek (2013, 2017, 2018) secara konsisten menunjukkan bahawa karya ini menghuraikan konsep seperti mudarabah, gharar, pembiayaan hutang, dan pelbagai bentuk kontrak jual beli mengikut kerangka fiqh Syafi'i, dan dapatan mereka turut mengesahkan bahawa rangka hukum ini kekal relevan dengan amalan kewangan Islam masa kini. Fungsi pengukuhiannya terletak pada bagaimana ia menghubungkan hukum muamalat Syafi'i dengan realiti ekonomi sebuah masyarakat pelabuhan seperti Patani yang bergantung kepada perdagangan lada, timah, dan hasil maritim, sebagaimana digariskan dalam Bahagian 4.1. Dengan menyediakan panduan fiqh yang selaras dengan keperluan ekonomi masyarakat perdagangan Melayu, Furu al-Masail menjadikan Mazhab Syafi'i bukan sekadar mazhab teori, sebaliknya sistem perundangan hidup yang mengawal transaksi harian.

Manhal al-Safi fi Bayan Ramz Ahl al-Sufi pula mewakili dimensi tasawuf dalam korpus Syeikh Daud. Berbeza daripada tasawuf falsafah yang tinggi dan sukar difahami orang awam, karya ini menghuraikan istilah dan simbol ahli sufi dalam bahasa yang lebih mudah diakses, dan turut memuatkan perbincangan kosmologi Islam sebagaimana dianalisis oleh Mohammaddin et al. (2016). Kehadiran karya tasawuf sebegini di sisi karya akidah dan fiqh yang lebih dominan menunjukkan bahawa Syeikh Daud tidak menolak tasawuf, sebaliknya turut menyalurkannya melalui kerangka Sunni yang terkawal dan bersifat sederhana, selaras dengan suasana intelektual Makkah pada waktu itu yang semakin memberi keutamaan kepada fiqh dan usul al-din berbanding tasawuf esoterik, sebagaimana dibincangkan dalam Bahagian 4.2. Dengan cara ini, tasawuf yang disampaikan tetap berada dalam batas ortodoksi Sunni, bukan menjadi saluran ajaran menyimpang yang sering dibimbangi oleh ulama arus perdana. Kedudukan Manhal al-Safi di sisi al-Durr al-Thamin dan Sullam al-Mubtadi menunjukkan bahawa Syeikh Daud tidak memisahkan dimensi zahir dan batin dalam pengajarannya, sebaliknya menawarkan satu pakej lengkap yang meliputi akidah, syariat, dan penghayatan rohani dalam kerangka Sunni yang sama, sesuatu yang membezakan pendekatannya daripada ulama yang hanya menumpukan satu disiplin sahaja.

Dimensi pendidikan, walaupun tidak diwakili oleh satu karya tunggal, sebenarnya adalah benang yang menyatukan kelima-lima karya di atas. Apabila diletakkan mengikut turutan tahap

kesukaran, iaitu al-Durr al-Thamin sebagai asas akidah, diikuti Manhal al-Safi bagi memperdalam penghayatan rohani, kemudian Sullam al-Mubtadi sebagai teks fiqh pertengahan, dan akhirnya Furu al-Masail sebagai kupasan muamalat yang lebih terperinci. Berdasarkan kandungan dan penggunaannya dalam tradisi pondok, korpus karya Syeikh Daud boleh ditafsirkan sebagai sebuah kurikulum berperingkat. Dorloh dan Hashim (2019) turut menegaskan bahawa pondok Patani lazimnya mengikut susunan pembelajaran berperingkat sebegini, bermula daripada asas akidah dan ibadah sebelum meningkat kepada muamalat dan hukum yang lebih kompleks. Reka bentuk kurikulum tersirat inilah yang membezakan Syeikh Daud daripada penulis kitab yang hanya menghasilkan karya secara berasingan tanpa perancangan pedagogi menyeluruh, dan yang menjelaskan mengapa karya-karyanya begitu sesuai diadaptasi sebagai teks rasmi pondok merentasi generasi.

Secara keseluruhan, kelima-lima karya ini menunjukkan bahawa Syeikh Daud tidak menghasilkan karya secara rawak, sebaliknya membina sebuah senibina keilmuan yang bersepadu. Al-Durr al-Thamin meletakkan asas akidah, Sullam al-Mubtadi menyusun struktur fiqh dan menjadi tulang belakang kurikulum pendidikan, Munyat al-Musalli menjadikan ibadah harian menjadi wahana identiti kolektif, Furu al-Masail mengoperasikan fiqh Syafi'i ke dalam kehidupan ekonomi, dan Manhal al-Safi menyalurkan kefahaman tasawuf. Kelima-limanya bersama-sama membentuk sebuah sistem yang merangkumi setiap lapisan kehidupan beragama, daripada kepercayaan dalaman sehingga urusan ekonomi harian, dan daripada bilik pengajian pondok sehingga wacana politik masyarakat yang tertekan. Corak inilah yang menjadikan karya-karya Syeikh Daud bukan sekadar sumbangan intelektual individu, sebaliknya medium yang secara sengaja dan sistematik mengukuhkan tradisi keilmuan Sunni di Alam Melayu, dan yang menjelaskan mengapa pengaruhnya kekal bertahan dalam institusi pondok sehingga hari ini. Kembali kepada persoalan kajian utama, manifestasi tekstual inilah yang menjadi titik pertemuan antara konteks sejarah yang dihuraikan dalam Bahagian 4.1 dan 4.2 dengan hasil akhir yang boleh diperhatikan hari ini, iaitu bahawa keadaan politik, ekonomi, dan sosial Patani, digabungkan dengan pengalaman intelektual di Makkah, tidak sekadar mempengaruhi Syeikh Daud secara umum, sebaliknya berkait rapat dengan pilihan tema, bentuk, bahasa, dan strategi penyebaran bagi setiap karya yang beliau hasilkan.

4.4 Syeikh Daud Sebagai Pengukuh Tradisi Keilmuan Sunni

Bahagian 4.1 hingga 4.3 masing-masing menghuraikan konteks Patani, konteks Makkah, dan manifestasi tekstualnya. Bahagian ini menghimpunkan ketiga-tiganya untuk menjawab secara langsung persoalan yang menjadi tajuk kajian ini, iaitu mengapa Syeikh Daud boleh dianggap sebagai pengukuh tradisi keilmuan Sunni di Alam Melayu, bukan sekadar seorang penulis kitab yang produktif.

Kitab-kitab Syeikh Daud diterima secara meluas kerana beberapa faktor yang saling menyokong. Pertama, penggunaan bahasa Melayu Jawi merendahkan halangan bahasa yang sebelum ini menghadkan ilmu tinggi kepada golongan yang menguasai bahasa Arab sahaja, sejajar dengan hujah Burhanudin (2022b) bahawa pemilihan bahasa ini berfungsi sebagai satu bentuk pembebasan kognitif bagi masyarakat Melayu. Kedua, kandungan karyanya tidak bersifat kontroversial atau menyimpang daripada arus perdana, sebaliknya menyusun semula pegangan Asyairah, fiqh Syafi'i, dan tasawuf sederhana yang telah lama diterima dalam tradisi Haramayn, sebagaimana dibincangkan dalam Bahagian 4.2. Ketiga, sanad keilmuannya yang menghubungkan beliau dengan tokoh seperti al-Sharqawi memberikan kredibiliti yang sukar dipersoal oleh masyarakat sasarannya. Kombinasi bahasa yang mudah diakses, kandungan yang selari dengan ortodoksi sedia ada, dan pengarang yang berautoriti menjadikan penerimaan kitab-kitab ini lebih daripada sekadar kebetulan pasaran. Faktor keempat yang tidak boleh diabaikan ialah masa penerbitannya. Sebahagian besar karya utama Syeikh Daud, seperti al-Durr al-Thamin dan Sullam al-Mubtadi, muncul pada waktu masyarakat Melayu di Patani dan rantau sekitarnya sedang mengalami tekanan politik yang mengancam kesinambungan identiti keagamaan mereka, sebagaimana dihuraikan dalam Bahagian 4.1. Dalam keadaan sedemikian, kehadiran teks rujukan yang jelas, konsisten, dan mudah diperoleh memenuhi keperluan masyarakat yang mencari kestabilan rohani di tengah ketidakstabilan politik, menjadikan penerimaannya bukan sekadar soal kualiti ilmiah semata-mata, sebaliknya turut berkait dengan keperluan sosial pada zaman tersebut.

Institusi pondok pula menggunakan karya-karya ini kerana ia menyelesaikan masalah praktikal yang dihadapi para guru pondok, iaitu ketiadaan teks Jawi yang komprehensif dan tersusun. Sullam al-Mubtadi, misalnya, menggabungkan fiqh, kalam, dan tawhid dalam satu naskhah, mengurangkan keperluan mencari pelbagai teks berasingan sebagaimana dihuraikan dalam Bahagian 4.3. Dorloh dan Hashim (2019) turut mengesahkan bahawa struktur kurikulum pondok Patani sememangnya memerlukan susunan bahan pembelajaran berperingkat, dan karya Syeikh Daud ternyata menyediakan susunan tersebut secara siap sedia. Apabila sebuah pondok mula menggunakan satu kitab beliau, kitab-kitab lain dalam korpusnya turut lebih mudah diterima kerana berkongsi kerangka istilah dan pendekatan yang sama, mewujudkan kitaran pengukuhan yang semakin kukuh dengan setiap generasi guru yang mewarisi amalan tersebut daripada guru sebelumnya.

Ketahanan karya-karya Syeikh Daud melebihi dua abad pula boleh dijelaskan melalui dua faktor struktur. Faktor pertama ialah peralihan daripada manuskrip kepada cetakan. Sullam al-Mubtadi, sebagai contoh, dicetak berulang kali di Singapura, Kaherah, Pulau Pinang, Bangkok, dan Surabaya sepanjang akhir abad ke-19 hingga pertengahan abad ke-20, satu proses yang menggandakan bilangan naskhah yang beredar jauh melebihi kapasiti penyalinan tangan sahaja. Faktor kedua ialah sifat autoriti Syeikh Daud yang tersebar dan tidak bergantung kepada satu institusi

tunggal, sebagaimana diujahkan dalam Bahagian 4.1. Oleh sebab kewibawaannya berbentuk tekstual dan rangkaian, bukan berpusat pada istana atau satu pondok sahaja, kemusnahan atau kemerosotan mana-mana satu pusat pengajian tidak menjejaskan kesinambungan keseluruhan tradisi tersebut, kerana ia telah tersebar merentasi banyak pondok, banyak bandar penerbitan, dan banyak generasi guru yang saling tidak bergantung antara satu sama lain. Penggunaan berterusan sebagai teks pengajaran aktif, bukan sekadar bahan rujukan sejarah, turut bermakna setiap generasi guru mengesahkan semula relevansi kitab tersebut secara berulang, satu proses yang mengekalkan kitab itu hidup dalam amalan, bukan sekadar terpelihara dalam arkib.

Menjawab persoalan mengapa Syeikh Daud dianggap tokoh penting dalam tradisi keilmuan Sunni di Alam Melayu, jawapannya terletak pada gabungan skala, kesepaduan, dan capaian institusi yang jarang ditandingi oleh ulama sezaman. Beliau menghasilkan korpus karya yang sangat luas merangkumi lebih 40 judul merentasi disiplin akidah, fiqh, muamalat, tasawuf, dan pendidikan sebagaimana dibuktikan dalam Bahagian 4.3, dengan pengaruh yang merentasi Patani, Kedah, Terengganu, dan seluruh kepulauan Melayu sebagaimana dibuktikan menerusi senarai murid dan jangkauan manuskrip dalam Bahagian 4.2. Berbanding Nawawi al-Bantani yang banyak menghasilkan karya dalam bahasa Arab untuk tradisi pengajian Islam yang lebih luas, keistimewaan Syeikh Daud terletak pada usaha memvernakularkan struktur ilmu Sunni melalui bahasa Melayu Jawi bagi memenuhi keperluan masyarakat Melayu. Kepentingan beliau juga tidak terhad kepada zamannya sendiri. Rangkaian murid yang beliau bina di Makkah, sebagaimana dihuraikan dalam Bahagian 4.2, meneruskan usaha pengukuhan ini ke generasi seterusnya, termasuk tokoh seperti Syeikh Ahmad al-Fatani yang mewarisi kedudukan sebagai pemimpin masyarakat Jawi di Makkah selepas kewafatan Syeikh Daud, menjadikan pengaruh beliau berterusan secara institusi, bukan terhenti bersama kewafatannya.

Justeru, Syeikh Daud lebih tepat digelar pengukuh berbanding pengasas atau sekadar penyebar tradisi keilmuan Sunni di Alam Melayu. Tradisi Sunni itu sendiri telah wujud di rantau ini sebelum kelahiran beliau, dibina oleh generasi ulama abad ke-17 dan ke-18 seperti al-Falimbani yang turut menjadi gurunya. Sumbangan istimewa Syeikh Daud ialah mengambil tradisi yang sedang terancam oleh keruntuhan politik Patani dan gelora doktrinal di Hijaz, lalu menstabilkannya semula melalui korpus teks yang tersusun, mudah diakses, dan terinstitusi ke dalam sistem pendidikan pondok secara berperingkat. Proses inilah yang menjawab persoalan kajian utama, iaitu bahawa keadaan politik, ekonomi, dan sosial yang membentuk kehidupan Syeikh Daud tidak sekadar menjadi latar belakang biografi, sebaliknya secara langsung membentuk kecenderungan terhadap bentuk, bahasa, dan strategi penyebaran ilmu yang menjadikan beliau pengukuh tradisi keilmuan Sunni yang kekal berpengaruh sehingga hari ini.

5.0 KESIMPULAN

Kajian ini menganalisis bagaimana keadaan politik, ekonomi, dan sosial Patani, serta suasana intelektual Makkah, membentuk pemikiran Syeikh Daud al-Fatani sehingga beliau muncul sebagai pengukuh tradisi keilmuan Sunni di Alam Melayu. Dapatan kajian menunjukkan bahawa keruntuhan politik Patani pada 1785 hingga 1786, diikuti pemecahan wilayah dan pemberontakan berulang, menghapuskan laluan tradisional kepimpinan agama berasaskan istana yang tersedia kepada generasi ulama terdahulu, sekali gus mendorong Syeikh Daud mengalihkan kewibawaan keagamaan warisan keluarganya kepada bentuk tekstual dan rangkaian. Di Makkah pula, jaringan ulama Haramayn, sanad keilmuan arus perdana, dan suasana intelektual yang menyempit kepada fiqh dan akidah berbanding tasawuf esoterik turut mencorakkan tumpuan disiplin dalam korpus beliau. Kedua-dua konteks ini termanifestasi dalam karya-karya utama Syeikh Daud yang merangkumi bidang akidah, fiqh Syafi'i, muamalat, tasawuf dan pendidikan, sekali gus membentuk sebuah seni bina keilmuan yang bersepadu. Ketahanan karya-karya ini melebihi dua abad, disokong oleh peralihan daripada manuskrip kepada cetakan serta autoriti yang tersebar dan tidak bergantung kepada satu institusi tunggal, mengesahkan bahawa Syeikh Daud lebih tepat digelar pengukuh berbanding pengasas tradisi Sunni yang sememangnya telah wujud sebelum kelahiran beliau.

Kajian ini menunjukkan bahawa pembentukan pemikiran ulama tidak boleh difahami secara terpisah daripada konteks sejarah yang melahirkannya. Sebaliknya, hubungan antara perubahan politik, jaringan keilmuan, penghasilan teks dan institusi pendidikan perlu dibaca sebagai satu proses yang saling berkaitan dalam menjelaskan bagaimana sesuatu tradisi keilmuan dapat dikekalkan merentasi generasi. Dari segi metodologi, kajian ini menunjukkan kebolegunaan pendekatan sejarah pemikiran yang membaca teks sebagai respons kontekstual, satu alternatif kepada analisis kandungan teks tunggal yang menjadi kelaziman dalam kajian terdahulu. Kajian ini turut menyumbang kepada pemahaman tentang daya tahan tradisi pondok dan akar tradisi wasatiyyah serta Ahl al-Sunnah Wal Jamaah di Alam Melayu, sebuah wacana yang kekal relevan dalam pendidikan Islam kontemporari.

Beberapa lanjutan kajian dicadangkan berdasarkan dapatan ini. Pertama, kajian perbandingan antara Syeikh Daud dan ulama Nusantara sezaman seperti Nawawi al-Bantani menggunakan kerangka analisis sejarah intelektual yang sama akan memperjelas sama ada corak pengukuhan tradisi Sunni melalui teks bersifat unik kepada konteks Patani atau turut berlaku dalam konteks lain di Alam Melayu. Kedua, kajian lanjutan boleh meneliti secara lebih terperinci bagaimana karya-karya Syeikh Daud diadaptasi secara berbeza merentasi pondok di Patani, Kelantan, dan Terengganu, bagi memahami variasi tempatan dalam penerimaan tradisi yang sama. Ketiga, memandangkan kepentingan Furu al-Masail dalam wacana muamalat kontemporari, kajian lanjutan boleh meneroka secara khusus bagaimana konsep seperti *mudarabah* dan *gharar* dalam karya tersebut boleh diaplikasikan kepada isu kewangan Islam semasa.

Secara keseluruhannya, kajian ini menunjukkan bahawa kekuatan tradisi keilmuan Sunni di Alam Melayu tidak bergantung semata-mata kepada kewibawaan individu seorang ulama, tetapi kepada keupayaan ilmu tersebut diterjemahkan ke dalam karya yang diterima, diajarkan dan diwariskan secara berterusan melalui institusi pendidikan. Dalam konteks inilah Syeikh Daud muncul bukan sebagai pengasas tradisi tersebut, tetapi sebagai tokoh yang berjaya membina dan menginstitusikan sebuah seni bina keilmuan Sunni yang terus diwarisi melalui institusi pondok sehingga hari ini.

RUJUKAN

- Azra, A. (2004). *The origins of Islamic reformism in Southeast Asia: Networks of Malay-Indonesian and Middle Eastern ulama in the seventeenth and eighteenth centuries*. University of Hawai'i Press.
- Bonney, R. (1971). *Kedah 1771-1821: The search for security and independence*. Oxford University Press.
- Bradley, F. R. (2010). *The social dynamics of Islamic revivalism in Southeast Asia: The rise of the Patani School, 1785-1909* [Unpublished doctoral dissertation]. University of Wisconsin-Madison.
- Bradley, F. R. (2014). Islamic reform, the family, and knowledge networks linking Mecca and Southeast Asia in the nineteenth century. *Journal of Asian Studies*, 74(1), 89-111.
- Buang, A. H., Daud, M. Z., & Jamaludin, M. H. (2023). On the question of Kitab Jawi's originality: Analysis on al-Fatani's *Nahj al-Raghibin* on essentials of sale contract. *Afkar*, 25(1), 1-42. <https://doi.org/10.22452/afkar.vol25no1.1>
- Burhanudin, J. (2022a). The popularizing of Sunni doctrine in Southeast Asia: Sifat Dua Puluh in Malay kitab Jawi in the 19th century. *Afkar*, 24(2), 275-312. <https://doi.org/10.22452/afkar.vol24no2.8>
- Burhanudin, J. (2022b). Two Islamic writing traditions in Southeast Asia: Kitab Jawi and Kitab Kuning with reference to the works of Da'ud al-Fatani and Nawawi al-Bantani. *Al-Jami'ah: Journal of Islamic Studies*, 60(1), 1-28. <https://doi.org/10.14421/ajis.2022.601.1-28>
- Charney, M. W. (2004). *Southeast Asian warfare, 1300-1900*. Brill.
- Dorloh, S., & Hashim, I. (2019). Islamic education with reference to pondok in Patani: Some reflections. *International Research Journal of Shariah, Muamalat and Islam*, 1(2), 46-53.
- Huda, Y., Burhanuddin, J., & Kooria, M. (2023). Strengthening the Shafi'i madhhab: Malay kitab Jawi of fiqh in the 19th century. *JURIS (Jurnal Ilmiah Syariah)*, 22(2), 259-273. <https://doi.org/10.31958/juris.v22i2.10282>
- Hurgronje, C. S. (1931). *Mekka in the latter part of the nineteenth century* (J. H. Monahan, Trans.). Brill.
- Ismail, S. A., & Jalil, M. H. (2022). Sejarah dan spesifikasi kitab turath Jawi Sullam al-Mubtadi fi Ma'rifah Tariqah al-Muhtadi karangan Syeikh Daud bin Abdullah al-Fatani. *ASEAN Comparative Education Research Journal on Islam and Civilization*, 5(1), 42-50.

- Ismail, S. A., Jalil, M. H., Temirbekuly, I. A., & Orazgaliyevna, D. Z. (2024). Exploring the Islamic concept of al-laqit according to Syeikh Daud bin Abdullah al-Fatani in the manuscript of Sullam al-Mubtadi. *International Journal of Religion*, 5(11), 616–625. <https://doi.org/10.61707/ttgbj923>
- Kobkua Suwannathat-Pian. (1988). *Thai-Malay relations: Traditional intra-regional relations from the seventeenth to early twentieth centuries*. Oxford University Press.
- Low, M. C. (2015). *The mechanics of Mecca: The technopolitics of the late Ottoman Hijaz and the colonial hajj* [Unpublished doctoral dissertation]. Columbia University.
- Makdom, A. H. A., Shuhari, M. H., & Wan Jusoh, W. H. (2021). Kaedah shakl dalam qiyas pada menghuraikan dalil baharu alam dalam al-Dur al-Thamin karya Sheikh Daud al-Fatani. *International Journal of al-Quran and Knowledge*, 1(2).
- Manan, A., Armi, F. R., & Amri, W. Y. (2022). The expansion of Islam in Pattani, South Thailand: A historical analysis. *Journal of Al-Tamaddun*, 17(1), 85–95. <https://doi.org/10.22452/JAT.vol17no1.7>
- Mohamed, M. F., & Ahmad, M. (2016). Pemikiran ekonomi Syeikh Daud al-Fatani mengenai konsep kemaslahatan dan keadilan dalam Kitab Fiqh Jawi (Sullam al-Mubtadi): Kajian tumpuan terhadap kontrak mua'wadah. *Jurnal Sultan Alauddin Sulaiman Shah*, 3(2), 195–207.
- Mohamed, M. F., & Mochammad Sahid, M. (2019). Syeikh Daud al-Fatani's economic thought regarding the concept of gharar in the book of Fiqh Jawi (Sullam al-Mubtadi): Focusing on akad mua'wadah. *Malaysian Journal of Syariah and Law*, 7(1).
- Mohamed, M. F., Mochammad Sahid, M., & Zakaria, M. Z. (2017). Rukun-rukun al-bay' dan al-ijarah dalam Kitab Sullam al-Mubtadi karangan Syeikh Daud al-Fatani: Analisis dari perspektif maqasid al-syariah. *Malaysian Journal of Syariah and Law*, 6.
- Mohammaddin, A. N., Man, S., & Sa'ari, C. Z. (2016). Konsep alam menurut Daud al-Fatani dalam karyanya Manhal al-Safi: Analisis dari perspektif astronomi Islam. *Afkar*, 18(2), 1–42.
- Mohd Nasir, N. A. A., & Ismail, N. K. (2024). Sumbangan ulama Hadramaut-Patani dalam perkembangan Islam di Patani: Satu sorotan awal. *BITARA International Journal of Civilizational Studies and Human Sciences*, 7(3), 285–295.
- Mustapha, A. S. B., Ali, A. K. B., & Zainol, N. Z. N. B. (2018). Sheikh Daud al-Fatani as scholar in Malay Archipelago: Overview on his writings. *International Journal of Engineering & Technology*, 7(2.29), 332–337.
- Mustapha, A. S., Ali, A. K., Zainol, N. Z. N., & Sapparudin, I. F. (2020). Islamic scholars in Malay Archipelago: Sheikh Daud al-Fatani (1769–1847M) contribution's in Fiqh al-Shafie. *Journal of Social Transformation and Regional Development*, 1(2), 92–100.
- Mustapha, A. S., Zainol, N. Z. N., Mohammad, C. A., Khalim, M. A., Muhammed, N. K. W., & Faid, M. S. (2024). Al-Fatani's perspectives on Islamic family law: Insights from Hidayah al-Muta'allim wa 'Umdah al-Muta'alim. *Journal of Islamic Thought and Civilization*, 14(1). <https://doi.org/10.32350/jitc.141.15>

- Abdul Rahman, R. A., Che Noh, N., Ibrahim, A. Q., Abdul Rahman, N. E., Awang, N. A., Embong, R., & Mustapha, A. S. (2019). Malay and Arab worlds in the manuscript of Hidayah al-Muta'allim wa 'Umdah al-Mu'allim: The essay of Sheikh Daud al-Fatani. *International Journal of Academic Research in Progressive Education and Development*, 8(4). <https://doi.org/10.6007/IJARPED/v8-i4/6616>
- Reid, A. (1993). *Southeast Asia in the age of commerce. Volume 2: Expansion and crisis*. Yale University Press.
- Riddell, P. G. (2001). *Islam and the Malay-Indonesian world: Transmission and responses*. Hurst.
- Sarasin Viraphol. (1977). *Tribute and profit: Sino-Siamese trade, 1652-1853*. Harvard University Press.
- Sutherland, H. (2004). The Makassar Malays: Adaptation and identity, c. 1660-1790. In T. P. Barnard (Ed.), *Contesting Malayness: Malay identity across boundaries* (pp. 76-106). Singapore University Press.
- Towpek, H. (2013). Kaedah penulisan Syeikh Daud al-Fatani dalam Furu' al-Masa'il dengan tumpuan kepada bab muamalat. *Jurnal Fiqh*, 10, 1-30.
- Towpek, H. (2017). Aspek pembiayaan hutang menurut Syeikh Daud al-Fatani dalam Furu' al-Masa'il. *Jurnal Syariah*, 25(3), 395-414.
- Towpek, H. (2018). Pemikiran ekonomi Syeikh Daud al-Fatani. *JCIS*, 4(1).
- Towpek, H., & Borhan, J. T. (2012). Pemikiran ekonomi Syeikh Daud al-Fatani menerusi kitabnya Furu' al-Masa'il tumpuan kepada elemen fiqhiconomic. *Jurnal Fiqh*, 9, 113-136.
- Wyatt, D. K. (1982). *Thailand: A short history*. Yale University Press.
- Yaacob, A. (2021). Syeikh Daud bin Abdullah bin Idris al-Fatani: Tokoh ulama Nusantara abad ke-19: Riwayat hidup dan peranannya dalam bidang pendidikan Islam. *International Journal of Humanities, Philosophy and Language*, 4(16), 107-128. <https://doi.org/10.35631/IJHPL.416007>
- Zengin, M., & Hizli, M. (2025). Patani Sultanate: Struggle for independence in the triangle of Siam, Britain, and France. *IIUM Journal of Religion and Civilisational Studies*, 8(2), 132-143. <https://doi.org/10.31436/ijrcs.v8i2.408>